UJIAN KEMASUKAN
TINGKATAN SATU TAHUN 2022
SEKOLAH MENENGAH KIAN KOK
BAHASA MALAYSIA
(50 MINIT)

Bahagian A: Objektif (60 markah)

ARAHAN: Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat jawapan pilihan, iaitu A, B, C dan D. Jawab semua soalan. Anda dikehendaki memilih **satu jawapan** yang paling tepat. Kemudian tandakan jawapan anda dengan menghitamkan ruangan pada kertas jawapan.

Soalan 1 hingga soalan 5
Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Hari ini, aku dan keluarga sibuk membuat persiapan akhir untuk menyambut Hari Raya Aidilfitri. Pagi-pagi lagi, ibu sudah tidak menang tangan menyediakan juadah. Aku dan kakak turut membantu ibu di dapur. Pada petang itu, ibu memasak ketupat, rendang kerang, gulai ayam, dan kuah kacang. Ibu turut menyediakan makanan kegemaranku iaitu lontong.

Di belakang rumah, ayah dan Abang Long sedang sibuk mengacau dodol. Tahun ini merupakan tahun kedua kami menyediakan dodol sebagai juadah Hari Raya Aidilfitri. Adik-adikku pula bersorak riang sambil bermain bersama-sama kawannya di halaman rumah. Sambil bermain sesekali kedengaran mereka menyanyikan lagu "Balik Kampung" dan lagu hari raya.

"Jangan terlalu suka sangat bermain tu," jerit ibu yang menjenguk keluar tingkap. Dalam kesibukan di dapur, ibu tetap berasa bimbang akan keselamatan dua orang adikku itu. Sayup-sayup kedengaran suara adik-adikku meyakinkan ibu bahawa mereka dalam keadaan selamat. Mereka seolah-olah tidak sabar menanti ketibaan Syawal yang mulia ini. Sudah menjadi lumrah, pada Hari Raya Aidilfitri kanak-kanaklah yang paling gembira.

Selepas membantu ibu, aku beralih ke ruang tamu pula. Aku menyusun kad ucapan Hari Raya Aidilfitri yang telah diterima daripada sanak-saudara dan kawan-kawan. Kad-kad itu aku gantung pada ranting pokok yang diletakkan di dalam pasu bunga. Aku juga sempat membaca sebahagian ucapan daripada kad tersebut.

Aku tidak sabar untuk menanti hari esok kerana selepas menunaikan solat Hari Raya Aidilfitri, kami akan bertolak pulang ke kampung ayah. Aku mula merasai keseronokan berhari raya bersama dengan sanak-saudara di kampung. Suasana Hari Raya Aidilfitri di kampung ayah amat meriah kerana mereka menyambut Hari Raya Aidilfitri beramai-ramai.

1. Berapakah orang adik-beradik penulis?

A. dua orang B. tiga orang C. empat orang D. lima orang

2. Apakah perkara pertama yang dilakukan oleh ibu penulis?
   A. Mengacau dodol
   B. Memasak ketupat
   C. Menyediakan juadah
   D. Menggantung kad ucapan

3. Pilih aktiviti yang tidak dilakukan oleh adik-adik penulis.
   A. Mengacau dodol
   B. Bersorak riang
   C. Bermain bersama-sama kawan
   D. Menyanyikan lagu hari raya

4. Mengapakah penulis tidak sabar menanti hari esok?
   A. Menunaikan solat Hari Raya Aidilfitri
   B. Pulang ke kampung ayahnya
   C. Makan makanan kegemarannya
   D. Bersama-sama sanak-saudara di kampung

5. Maksud perkataan riang ialah _____.
   A. risau
   B. teruja
   C. kagum
   D. gembira

Soalan 6 hingga soalan 25
Isi tempat kosong dengan jawapan yang **paling sesuai**.

6. "Maaf, boleh saya berjumpa dengan Inspektor Hamid? Saya mahu berbincang dengan _____ tentang kes kemalangan yang berlaku kelmarin," kata Encik Jaafar kepada pegawai polis.
   A. mereka B. beliau C. kamu D. dia

7. "_____ tidak dibenarkan mengambil gambar di sini," tegas pengawal keselamatan itu kepada beberapa orang pelancong.
   A. Kita B. Saya C. Kalian D. Mereka

8. _____kah Julian tergesa-gesa pulang ke rumah pada petang itu?
   A. Bila B. Siapa C. Mengapa D. Bagaimana

9. "_____ keputusan peperiksaan kamu pada penggal ini?" tanya ibu kepada Hafiz.
   A. Bagaimanakah B. Berapakah C. Siapakah D. Apakah

10. Para perajurit sanggup berkorban _____ mempertahankan negara tercinta.
   A. agar B. pada C. kepada D. demi

11. Bengkel motivasi untuk murid-murid tahun enam itu akan diadakan _____ pukul 8.00 pagi hingga pukul 3.00 petang.

A. pada B. dari C. daripada D. kepada

12. Kedua-dua orang budak itu menolong rakan mereka _____ terjatuh basikal semasa pulang dari sekolah.

A. agar B. bahawa C. yang D. untuk

13. _____, sedih benar saya mendengar cerita awak ini!

A. Eh B. Oh C. Aduh D. Aduhai

14. Adik, _____ ambilkan ibu segelas air.

A. sila B. harap C. tolong D. jemput

15. Kehilangan sepuluh _____ pistol dari stor simpanan akan disiasat oleh pihak polis.

A. pucuk B. laras C. batang D. kaki

16. Di atas meja makan itu ada beberapa _____ majalah kepunyaaan kakak.

A. buah B. naskhah C. keping D. gulung

17. Orang awam dinasihati agar segera _____ kepada pihak polis jika berlaku apa-apa kejadian yang mencurigakan di kawasan perumahan mereka.

A. melaporkan B. menjanjikan C. menangkap D. menarik

Soalan 18 *berdasarkan gambar di bawah.*

18. Ibu _____ sedulang kuih-muih untuk diberikan kepada tetamunya.

A. membimbit B. menjunjung C. menatang D. menjinjing

19. Kejohanan olahraga itu _____ oleh ahli-ahli sukan dari rantau Asia Tenggara.

A. menyertai B. sertai C. penyertaan D. disertai

Soalan 20 *berdasarkan gambar di bawah.*

20. Pegawai polis itu sedang mengambil _____ daripada salah seorang saksi kemalangan jalan raya tersebut.

A. menerangi B. keterangan C. penerangan D. terangan

21. Longkang yang tersumbat dan dipenuhi lalat itu berbau sangat _____.

A. busuk B. wangi C. kotor D. harum

Soalan 22 *berdasarkan gambar di bawah.*

22. Bunga yang ditanam itu _____ kerana sudah lama tidak disirami dengan air.

A. subur B. lemah C. layu D. lembut

23. Keropok ikan yang sudah digoreng itu menjadi _____ kerana tidak disimpan di dalam bekas yang bertutup.

A. lembut B. lemau C. keras D. garing

24. Pada masa **<u>lapang</u>**, datuk suka bercerita.

Pilih perkataan **sinonim** *bagi* **<u>lapang</u>**.

A. kosong B. tenang C. sibuk D. senggang

25. Kita mesti gigih berusaha jika ingin **<u>maju</u>**.

Pilih perkataan **antonim** *bagi* **<u>maju</u>**.

A. gagal B. mundur C. kalah D. lulus

Soalan 26 dan soalan 27
Pilih ayat-ayat yang menggunakan **perkataan bergaris** *dengan betul.*

26. I. Berita kemalangan yang ngeri itu tersiar di **halaman** depan akhbar tempatan hari ini.
    II. Buku itu mengandungi 100 **halaman** yang bercetak.
    III. Bas ekspres dari utara itu menuju ke **halaman** selatan.
    IV. Tiap-tiap hari, Mak Yah menyapu daun-daun kering di **halaman** rumahnya.
    A. I, II dan III B. I, II dan IV C. I, III dan IV D. II, III dan IV

27. I. Kata-kata Safiah yang **tajam** itu menyakitkan hati Nurul.
    II. Yazid dipuji oleh kawan-kawannya kerana mempunyai otak yang **tajam**.
    III. Pisau baharu yang dibeli oleh ibu semalam sangat **tajam**.
    IV. Sazali ialah seorang murid yang **tajam** dalam bidang kokurikulum di sekolahnya.
    A. I, II dan III B. I, II dan IV C. I, III dan IV D. II, III dan IV

Soalan 28 hingga soalan 30
Pilih ayat yang **betul**.

28. A. Pasar raya itu dibuka setiap hari tetapi hari Ahad.
    B. Setengah murid membawa bekalan makanan dari rumah.
    C. Pelancong daripada Australia itu mengambil gambar dengan gembiranya.
    D. Murid-murid segera bangun apabila mendengar loceng berbunyi.

29. I. Fatimah akan menunggu kami di bas stesen pada petang ini.
    II. Tolong belikan saya kertas pembalut hadiah di kedai buku.
    III. Kerja sekolah adik saya tidak dapat disiapkan kerana komputernya rosak.
    IV. Pak Jalil menjual goreng pisang yang enak dan murah di tepi jalan.
    A. I dan II B. I dan III C. II dan III D. III dan IV

30. *Pilih ayat yang* **sama maksud** *dengan ayat yang diberikan.*
    Cikgu Faridah menyuruh ketua kelas menghantar buku-buku latihan itu ke bilik guru.
    A. Buku-buku latihan Cikgu Faridah dihantar ke bilik guru oleh ketua kelas.
    B. Ketua kelas disuruh oleh Cikgu Faridah untuk menghantar buku-buku latihan ke bilik guru.
    C. Buku-buku latihan Cikgu Faridah di bilik guru dihantar oleh ketua kelas.
    D. Ketua kelas menolong Cikgu Faridah menghantar buku-buku latihan ke bilik guru.

Bahagian B: Isi Tempat Kosong (10 markah)

ARAHAN: Pilih perkataan yang **paling sesuai** untuk diisi pada tempat kosong dalam petikan yang diberi. Anda dikehendaki memilih **satu jawapan** yang paling tepat. Kemudian tuliskan jawapan anda pada kertas jawapan.

menghapuskan	dibuat	memakai	bekerjasama
merenggangkan	mengeratkan	dianjurkan	menghabiskan

Aktiviti gotong-royong telah _____(1)_____ oleh Persatuan Penduduk Taman Indah pada hari Sabtu yang lalu. Aktiviti gotong-royong itu bertujuan membersihkan kawasan sekitar taman perumahan dan _____(2)_____ tempat pembiakan nyamuk Aedes. Sebahagian besar penduduk telah _____(3)_____ bagai aur dengan tebing menjayakan aktiviti tersebut. Mereka membawa peralatan sendiri seperti cangkul, penyapu, dan pengaut serta _____(4)_____ pakaian yang bersesuaian untuk melakukan pembersihan kawasan. Aktiviti tersebut juga berjaya _____(5)_____ hubungan dan mengukuhkan perpaduan dalam kalangan penduduk.

BAHAGIAN C: Karangan (30 markah)

Pilih **satu** tajuk daripada soalan-soalan berikut dan tulis satu karangan yang panjangnya **melebihi 80 patah perkataan**.

Soalan 1

Anda telah menghadiri sambutan hari jadi kawan baik anda. **Ceritakan pengalaman** anda sepanjang sambutan hari jadi tersebut.
Tulis karangan itu selengkapnya.

- menghadiri – hari jadi – suasana – meriah – menghidangkan makanan – enak – bermain permainan – seronok – menyanyikan lagu hari jadi – meniup lilin – memotong kek – memberikan hadiah – pulang

ATAU

Soalan 2

Lihat gambar di bawah dengan teliti. Tulis sebuah karangan tentang **kebaikan bersukan**.